

1. Perubahan struktur ekonomi telah menyebabkan sektor pertanian sudah tidak penting lagi di Malaysia. Bincangkan.  
[25 markah]
2. Berdasarkan beberapa hipotesis sejak 50 tahun yang lalu, bincangkan perubahan-perubahan yang telah berlaku dari era pra-pertanian kepada pertanian moden.  
[25 markah]
3. Merujuk kepada Jadual 1, jawab soalan-soalan berikut:
  - [i] Kira kombinasi tanaman yang paling sesuai dijalankan.  
[15 markah]
  - [ii] Jelaskan mengapa penanaman monokultur masih menjadi pilihan walaupun kombinasi tanaman yang dikira lebih menguntungkan.  
[10 markah]

**Jadual 1:** Bidang usaha, keluasan tanaman, dan harian-kerja yang diperlukan untuk pengeluaran tanaman bagi satu musim

Bidang usaha	Keluasan (hektar)	Harian-kerja yang diperlukan	Peratusan harian-kerja
Jagung	12	120	20
Padi	5	160	27
Sawi dan Kobis	3	180	30
Bunga	2	140	23
Jumlah	22	600	100.0

4. Bincangkan dimensi-dimensi baru dalam sektor pertanian apabila perkembangan dan pembangunan sektor perindustrian dan perkhidmatan diberi penekanan yang lebih oleh pihak pemerintah selepas Rancangan Malaysia Ke- 6.  
[25 markah]

5. Kebanyakan negara membangun masih terus menghadapi masalah pengeluaran pertanian dan masih kekal dalam kancah kemiskinan. Bincangkan.

[25 markah]

6. Bincangkan pelbagai faktor yang mempengaruhi petani dalam membuat pemilihan teknologi untuk tanaman atau ternakan.

[25 markah]

7. Merujuk kepada kadar penggunaan tanah pertanian pindah di Kg. Tinangol, Kudat, Sabah (Jadual 2), bincangkan aktiviti-aktiviti pertanian pindah di kawasan tersebut dan kepentingannya sehingga ianya masih diamalkan hingga sekarang.

[25 markah]

**Jadual 2:** Kadar penggunaan tanah untuk pertanian pindah di Kg. Tinangol, Kudat, Sabah 1996-99.

Tanah dan Petani	1996	1997	1998	1999
Petani terlibat	29	33	36	40
Jumlah luas kawasan (ekar)	520	599.5	599.5	599.5
Keluasan yang digunakan (ekar)	85	101.5	96	105
Keluasan yang dibiarkan menyubur (falo) (ekar)	435	498	503.5	494.5
Luas purata ladang seorang petani (ekar)	2.93	3.07	2.67	2.63
Jangkaan purata hasil padi/ladang (kg)	879	920	801	789
Jangkaan purata hasil beras/ladang (kg)	553.8	579.6	504.6	479.1
Pusingan lengkap* (tahun)	6.1	5.9	6.2	5.7

\* Pusingan tanah yang ideal ialah sekurang-kurangnya 8 tahun iaitu secara teorinya petani telah kembali di tapak yang dibuka lapan tahun sebelumnya. Kadar ini boleh diperolehi dengan membahagikan jumlah luas tanah yang dimiliki oleh petani terlibat dengan jumlah keluasan tanah yang dijadikan pertanian pindah pada tahun tersebut.